

Fasal-fasal yang dipinda bagi Terma & Syarat Pelan Ansuran Tunai Melalui Panggilan Telefon ("CIP") AFFIN

Sila harap maklum bahawa perubahan berikut (**perkataan digelapkan**) akan dibuat ke atas Terma & Syarat CIP anda.

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
1.	1.	Pelan Ansuran Tunai Melalui Panggilan Telefon ("CIP") hanya ditawarkan kepada: i. Ahli Kad Kredit Affin Bank Berhad (No. Syarikat 25046-T) (selepas ini dirujuk sebagai "Ahli Kad" dan "Bank"); dan ii. Ahli Kad Kredit mestilah merupakan Ahli Kad Utama warganegara Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "Ahli Kad"). Oleh itu, perkataan Ahli Kad yang terdapat dalam Perjanjian ini akan diambil untuk bermaksud dan dianggap untuk merujuk kepada Ahli Kad Utama AFFINBANK warganegara Malaysia melainkan jika konteksnya memperuntukkan sebaliknya.	2.	Pelan Ansuran Tunai Melalui Panggilan Telefon ("CIP") hanya ditawarkan kepada Ahli Kredit Kad Utama warganegara Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "Ahli Kad") Affin Bank Berhad ("pihak Bank").
2.	2.	Semua Ahli Kad Kredit Tambahan AFFINBANK tidak layak untuk menyertai skim CIP.		Fasal akan dikeluarkan dari terma dan syarat.
3.	3.	Skim CIP adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini dan Perjanjian Ahli Kad AFFINBANK ("Terma dan Syarat Kad Kredit AFFINBANK" dan/atau "Terma dan Syarat Kad World MasterCard AFFINBANK" dan apa-apa terma dan syarat Kad Kredit lain yang mungkin ditambah dari masa ke semasa). Terma yang terkandung di sini akan dibaca dengan Terma dan Syarat di atas dan kesemua Terma dan Syarat yang dirujuk di atas akan membentuk bahagian penting permohonan CIP atau Perjanjian ini apabila permohonan CIP diluluskan dan bagi semua maksud dan tujuan proses permohonan dan kelulusan permohonan CIP, kedua-dua peringkat akan dibaca dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan akan dianggap sebagai "Perjanjian CIP".	1.	Pelan Ansuran Tunai Melalui Panggilan Telefon ("CIP") adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Kad Kredit AFFINBANK dan / atau Terma dan Syarat AFFINBANK World Mastercard atau apa-apa Terma dan Syarat Kad Kredit lain yang mungkin ditambah dari semasa ke semasa ("Perjanjian Ahli Kad"). Terma yang terkandung di sini akan dibaca dengan Perjanjian Ahli Kad dan kesemua Terma dan Syarat yang dirujuk di atas akan membentuk bahagian penting permohonan CIP atau Terma dan Syarat ini apabila permohonan CIP diluluskan dan bagi semua maksud dan tujuan memproses permohonan dan kelulusan permohonan CIP, kedua-dua peringkat akan dibaca dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan akan dianggap sebagai "Perjanjian CIP".

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause																														
4.	4.	Skim CIP membolehkan Ahli Kad untuk mengeluarkan wang tunai dari akaun kad kredit Ahli Kad ("Akaun Kad"). Ia bukan satu kemudahan kredit tambahan atau berasingan kepada had kredit sedia ada yang diluluskan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad.	4.	CIP membolehkan Ahli Kad untuk mengeluarkan wang tunai (" Jumlah CIP ") daripada akaun kad kredit Ahli Kad ("Akaun Kad") dan membayar semula dalam ansuran bulanan . Ia bukan satu kemudahan kredit tambahan atau berasingan kepada had kredit sedia ada yang diluluskan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad.																														
5.	5.	Ahli Kad boleh memohon CIP melalui cara-cara berikut: i. Dengan membuat panggilan telefon kepada talian AFFIN Cash-on-Call di 03-7947 5407; atau ii. Dengan menghantar Borang Permohonan CIP yang lengkap kepada Bank.	7.	Ahli Kad boleh memohon CIP melalui Pusat Perhubungan AFFINBANK di 03-8230 2222 atau 03-8230 2323 (untuk kad AFFINBANK World Mastercard) atau dengan menghantar Borang Permohonan CIP yang lengkap ke mana-mana cawangan AFFINBANK / AFFIN ISLAMIC BANK dan / atau lain-lain saluran yang dibenarkan oleh AFFINBANK dari semasa ke semasa.																														
6.	6.	Ahli Kad yang memohon CIP adalah dianggap telah terlebih dahulu membaca Lembaran Pendedahan Produk AFFINBANK (yang mengandungi butiran penting mengenai CIP) atau telah mendengar rakaman berkaitan dengan terma-terma dan syarat Perjanjian CIP semasa proses jualan atau peringkat permohonan dan oleh itu akan dianggap telah memahami dan menerima secara muktamad terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian CIP.	3.	Ahli Kad yang memohon CIP adalah dianggap telah memahami dan menerima secara muktamad terma dan syarat Perjanjian CIP, termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran penting CIP yang boleh juga didapati samada di dalam Lembaran Pendedahan Produk Kad Kredit AFFINBANK dan / atau kad AFFINBANK World Mastercard, laman web pihak Bank atau semasa proses jualan atau peringkat permohonan CIP.																														
7.	7.	Jumlah CIP yang dimohon hendaklah memenuhi jumlah minimum yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah: <table border="1" data-bbox="315 890 1144 1072"> <thead> <tr> <th>Tempoh (Bulan)</th> <th>Jumlah Minimum CIP</th> <th>Caj Kewangan Dikenakan Sekali</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>6</td> <td>RM1,000</td> <td>6%</td> </tr> <tr> <td>12</td> <td>RM1,000</td> <td>8%</td> </tr> <tr> <td>18</td> <td>RM2,000</td> <td>12%</td> </tr> <tr> <td>24</td> <td>RM2,000</td> <td>14%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jumlah yang dipohon mestilah dalam gandaan ribu dan ratus. Pihak Bank berhak untuk membundarkannya kepada ribu atau ratus terdekat mengikut budi bicaranya.</p>	Tempoh (Bulan)	Jumlah Minimum CIP	Caj Kewangan Dikenakan Sekali	6	RM1,000	6%	12	RM1,000	8%	18	RM2,000	12%	24	RM2,000	14%	5.	Ahli Kad boleh mengeluarkan Jumlah CIP sehingga 90% daripada had kredit atau had kredit yang sedia ada (termasuk kadar faedah pendahuluan sekali), yang mana lebih rendah. Jumlah CIP yang dipohon mestilah dalam gandaan ribu atau ratus. Pihak Bank berhak untuk membundarkannya kepada ribu atau ratus terdekat mengikut budi bicaranya. Jumlah CIP yang dipohon hendaklah memenuhi jumlah minimum yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah: <table border="1" data-bbox="1310 1077 2130 1259"> <thead> <tr> <th>Tempoh (Bulan)</th> <th>Jumlah Minimum CIP</th> <th>Kadar Faedah Pendahuluan Sekali</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>6</td> <td>RM1,000</td> <td>6%</td> </tr> <tr> <td>12</td> <td>RM1,000</td> <td>8%</td> </tr> <tr> <td>18</td> <td>RM2,000</td> <td>12%</td> </tr> <tr> <td>24</td> <td>RM2,000</td> <td>14%</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh (Bulan)	Jumlah Minimum CIP	Kadar Faedah Pendahuluan Sekali	6	RM1,000	6%	12	RM1,000	8%	18	RM2,000	12%	24	RM2,000	14%
Tempoh (Bulan)	Jumlah Minimum CIP	Caj Kewangan Dikenakan Sekali																																
6	RM1,000	6%																																
12	RM1,000	8%																																
18	RM2,000	12%																																
24	RM2,000	14%																																
Tempoh (Bulan)	Jumlah Minimum CIP	Kadar Faedah Pendahuluan Sekali																																
6	RM1,000	6%																																
12	RM1,000	8%																																
18	RM2,000	12%																																
24	RM2,000	14%																																

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
8.	8.	Apabila Ahli Kad membuat panggilan ke talian AFFIN Cash-on-Call dan memberi kebenaran beliau untuk memohon kemudahan CIP, ia hendaklah dianggap sebagai bukti muktamad bahawa Ahli Kad telah memohon untuk menyertai skim ini CIP menurut terma-terma dan syarat Perjanjian CIP.	8.	Kebenaran Ahli Kad yang diperolehi melalui panggilan telefon atau Borang Permohonan CIP akan dianggap sebagai bukti muktamad arahan Ahli Kad untuk permohonan kemudahan CIP. Ahli Kad bersetuju untuk menerima Jumlah CIP yang diluluskan menurut terma dan syarat Perjanjian CIP dan Perjanjian Ahli Kad.
9.	9.	Bank berhak untuk meluluskan jumlah CIP yang lebih rendah sekiranya jumlah yang dipohon melebihi had kredit yang sedia ada atau sembilan puluh peratus (90%) daripada had kredit Ahli Kad, mengikut mana-mana yang lebih rendah.	6.	Pihak Bank berhak untuk meluluskan Jumlah CIP lebih rendah daripada jumlah yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan CIP.
10.	10.	Permohonan CIP hendaklah disertakan dengan salinan penyata akaun Semasa/Simpanan Ahli Kad yang mempunyai nama Ahli Kad sahaja.		Fasal ini akan dikeluarkan dari terma dan syarat.
11.	11.	Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Ahli Kad sekiranya Ahli Kad memberi butiran akaun Semasa/Simpanan yang salah yang mana jumlah CIP akan dikreditkan.	9.	Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Ahli Kad sekiranya Ahli Kad memberi butiran Akaun Semasa / Simpanan yang tidak tepat ; di mana jumlah CIP akan dikreditkan.
12.	12.	Sebaik sahaja permohonan Ahli Kad diluluskan, jumlah CIP yang diluluskan akan dihantarkan melalui pindahan dana antara bank iaitu Inter Bank Giro ("IBG") ke akaun Semasa/Simpanan Ahli Kad dengan bank yang berdaftar di Malaysia dan mempunyai kemudahan IBG atau melalui kredit ke dalam akaun Semasa/Simpanan kepunyaan Ahli Kad di AFFINBANK.	10.	Sebaik sahaja permohonan Ahli Kad diluluskan, Jumlah CIP yang diluluskan akan diagihkan melalui pindahan dana antara bank seperti " <i>Interbank GIRO (IBG)</i> " ke Akaun Semasa / Simpanan Ahli Kad dengan bank yang berdaftar di Malaysia dengan kemudahan IBG atau melalui pindahan kredit ke dalam Akaun Semasa / Simpanan kepunyaan Ahli Kad dengan AFFINBANK / AFFIN ISLAMIC BANK.
13.	13.	Pihak Bank berhak untuk menolak permohonan CIP sejak mula atau menolak atau menangguhkan penghantaran wang daripada jumlah CIP yang diluluskan (walaupun kelulusan telah diberikan sebelumnya) ke akaun Semasa/Simpanan Ahli Kad dengan salah satu atau kombinasi daripada sebab-sebab di bawah (tetapi tidak terhad dan boleh jadi untuk sebab-sebab lain bergantung kepada keadaan pada masa yang berkenaan): i. Kad Akaun Ahli kad tidak mempunyai baki kredit yang mencukupi; atau ii. jika Ahli Kad tidak mengendalikan Akaun Kad beliau mengikut Terma dan Syarat Kad Kredit AFFINBANK; atau iii. berlaku peristiwa pengingkaran terhadap Akaun Kad Ahli Kad; atau	11.	Pihak Bank berhak untuk menolak permohonan CIP, enggan atau menangguhkan penghantaran wang daripada Jumlah CIP yang diluluskan (walaupun kelulusan telah diberikan sebelumnya) ke Akaun Semasa / Simpanan Ahli Kad untuk salah satu atau kombinasi yang berkenaan: a. jika Akaun Kad Ahli Kad tidak mempunyai baki kredit yang mencukupi; b. jika Ahli Kad tidak mengendalikan Akaun Kad beliau mengikut Terma dan Syarat Kad Kredit AFFINBANK dan / atau Terma dan

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
		<p>iv. jika wujud keadaan di luar kawalan pihak Bank yang menyebabkan penghantaran wang daripada jumlah CIP yang diluluskan mustahil dan/atau tidak praktikal dan/atau tidak mungkin; atau</p> <p>v. jika penghantaran wang daripada jumlah CIP yang diluluskan tidak dapat dilakukan atas di sebab keselamatan; atau</p> <p>vi. jika sistem perbankan atau komputer pihak Bank sedang diselenggarakan, dinaiktaraf atau mengalami gangguan atau berlaku perkara-perkara yang menyebabkan sistem tidak dapat melakukan penghantaran wang daripada jumlah CIP yang diluluskan; atau</p> <p>vii. jika Ahli Kad mempunyai akaun lain dengan pihak Bank yang dianggap tidak berada dalam keadaan yang baik; atau</p> <p>viii. Jika suatu situasi atau keadaan wujud pada masa penghantaran wang ingin dilakukan yang mana pihak Bank berpandangan bahawa ia tidak sepatutnya telah meluluskan permohonan CIP pada mulanya.</p>		<p>Syarat AFFINBANK World Mastercard;</p> <p>c. berlaku peristiwa pengingkaran terhadap Akaun Kad Ahli Kad;</p> <p>d. jika wujud keadaan di luar kawalan pihak Bank yang menyebabkan penghantaran wang daripada Jumlah CIP yang diluluskan mustahil dan / atau tidak praktikal dan / atau tidak mungkin;</p> <p>e. jika penghantaran wang daripada Jumlah CIP yang diluluskan tidak dapat dilakukan atas sebab keselamatan;</p> <p>f. jika akaun lain Ahli Kad dengan AFFINBANK / AFFIN ISLAMIC BANK tidak berada dalam keadaan yang baik;</p> <p>g. jika suatu situasi atau keadaan wujud pada masa penghantaran wang ingin dilakukan yang mana pihak Bank berpendapat bahawa ia tidak sepatutnya meluluskan permohonan CIP pada mulanya; atau</p> <p>h. akibat oleh sebab-sebab lain (bergantung kepada keadaan pada masa yang berkenaan sekiranya senarai di atas tidak lengkap).</p>
14.	14.	Sebarang kelewatan penghantaran wang daripada jumlah CIP yang diluluskan dan/atau penahanan penghantaran wang daripada jumlah yang diluluskan yang menyebabkan atau akan menyebabkan kerugian (dalam segala bentuk dan bukan semata-mata terhad kepada kerugian kewangan) tidak akan menyebabkan pihak Bank bertanggungjawab kepada Ahli Kad dalam apa cara sekalipun. Ahli Kad bersedia menerima risiko ini ketika memohon kemudahan CIP.	12.	Pihak Bank mempunyai hak untuk menghantar Jumlah CIP yang diluluskan dalam apa-apa cara lain selain daripada melalui <i>IBG</i> jika difikirkan perlu, tanpa kewajipan untuk memberikan apa-apa sebab bagi keputusannya berbuat demikian dalam apa-apa cara yang lain.
15.	15.	Sebarang kelewatan penghantaran wang daripada jumlah CIP yang diluluskan dan/atau penahanan penghantaran wang daripada jumlah yang diluluskan yang menyebabkan atau akan menyebabkan kerugian (dalam segala bentuk dan bukan semata-mata terhad kepada kerugian kewangan) tidak akan menyebabkan pihak Bank bertanggungjawab kepada Ahli Kad dalam apa cara sekalipun. Ahli Kad bersedia menerima risiko ini ketika memohon kemudahan CIP.	13.	Sebarang kelewatan penghantaran wang daripada Jumlah CIP yang diluluskan dan / atau penahanan penghantaran wang daripada Jumlah CIP yang diluluskan yang menyebabkan atau akan menyebabkan kerugian (dalam segala bentuk dan bukan semata-mata terhad kepada kerugian kewangan) tidak akan menyebabkan pihak Bank bertanggungjawab kepada Ahli Kad dalam apa cara sekalipun. Ahli Kad bersedia menerima risiko ini ketika memohon CIP.

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
16.	16.	Apabila jumlah CIP yang diluluskan telah diagihkan (ke akaun Simpanan/Semasa Ahli Kad), kredit yang ada di dalam akaun Ahli Kad akan turut berkurangan. Kredit yang ada di bawah Akaun Kad akan beransur-ansur meningkat mengikut jumlah setiap ansuran bulanan yang dibayar di bawah skim CIP.	14.	Apabila Jumlah CIP yang diluluskan telah diagihkan (ke Akaun Simpanan / Semasa Ahli Kad), had kredit yang ada di dalam Akaun Kad Ahli Kad akan turut berkurangan. Had kredit yang ada di bawah Akaun Kad akan beransur-ansur meningkat mengikut jumlah setiap ansuran bulanan yang dibayar di bawah CIP.
17.	17.	Adalah menjadi tanggungjawab Ahli Kad untuk memastikan bahawa terdapat kredit yang mencukupi di bawah Akaun Kad untuk sebarang pembelian atau penggunaan yang diinginkan dengan Kad. Pihak Bank tidak akan mengambil apa-apa tanggungjawab untuk transaksi yang ditolak oleh sebab potongan kredit Ahli Kad daripada Kad beliau apabila jumlah CIP yang diluluskan telah diagihkan.	15.	Adalah menjadi tanggungjawab Ahli Kad untuk memastikan bahawa terdapat had kredit yang mencukupi di bawah Akaun Kad untuk sebarang pembelian atau penggunaan yang diinginkan dengan Kad. Pihak Bank tidak akan mengambil apa-apa tanggungjawab untuk transaksi yang ditolak oleh sebab potongan kredit limit Ahli Kad daripada Kad apabila Jumlah CIP yang diluluskan telah diagihkan.
18.	18.	Apabila permohonan CIP diluluskan, caj kewangan pada kadar seperti di dalam Fasal 7 di atas akan dikenakan sekali atau pada suatu kadar lain yang pihak Bank mungkin maklumkan dari masa ke semasa mengikut tempoh permohonan yang diluluskan. Jumlah yang dikenakan akan didebitkan kepada Akaun Kad Ahli Kad.	16.	Apabila permohonan CIP diluluskan, kadar faedah pendahuluan sekali akan dikenakan pada kadar seperti di dalam Fasal 5 di atas atau pada suatu kadar lain yang pihak Bank mungkin maklumkan dari semasa ke semasa mengikut tempoh permohonan yang diluluskan akan dikenakan. Kadar faedah pendahuluan sekali yang dikenakan akan didebitkan kepada Akaun Kad Ahli Kad.
19.	19.	Caj kewangan yang dikenakan akan menjadi terhutang dan perlu dibayar dengan ansuran bulanan pertama yang tertera pada penyata bulanan.	17.	Kadar faedah pendahuluan sekali (berdasarkan Jumlah CIP dan tempoh yang telah diluluskan) akan dicaj kepada Akaun Kad Ahli Kad apabila CIP diluluskan. Kadar faedah pendahuluan sekali ini tidak akan dikembalikan dan akan dibil ke Kad Akaun Ahli Kad bersama ansuran bulanan CIP yang pertama.
20.	20.	Ahli Kad akan dimaklumkan mengenai jumlah bulanan atau ansuran yang harus dibayar sepanjang tempoh permohonan CIP yang diluluskan seperti yang tertera pada penyata bulanan.	18.	Ahli Kad akan dimaklumkan mengenai jumlah ansuran bulanan CIP atau ansuran yang harus dibayar sepanjang tempoh permohonan CIP yang diluluskan seperti yang tertera pada penyata bulanan.
21.	21.	Ansuran bulanan CIP akan dimasukkan ke dalam jumlah yang belum berbayar dan tiada akaun berasingan khusus untuk membayar ansuran bulanan CIP. Sekiranya Ahli Kad memilih untuk membayar bayaran minimum lima peratus (5%) atau lebih daripada jumlah yang belum berbayar tetapi tidak mencukupi	19.	Ansuran bulanan CIP akan ditambah ke dalam jumlah yang belum berbayar dan tiada akaun berasingan khusus untuk membayar ansuran bulanan CIP. Sekiranya Ahli Kad memilih untuk membayar bayaran minimum sebanyak 5% atau lebih daripada jumlah yang belum berbayar

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
		untuk menjelaskan ansuran bulanan CIP, caj kewangan biasa seperti yang ditetapkan di dalam Perjanjian Ahli Kad akan dikenakan ke atas jumlah ansuran bulanan CIP yang tidak dijelaskan.		tetapi tidak mencukupi untuk menjelaskan ansuran bulanan CIP, caj kewangan biasa seperti yang ditetapkan di dalam Perjanjian Ahli Kad akan dikenakan ke atas jumlah ansuran bulanan CIP yang tidak dijelaskan.
22.	22.	Sekiranya Ahli Kad atau pihak Bank membatalkan Kad atau jika Ahli Kad menamatkan pelan CIP sebelum bayaran ansuran yang dijadualkan berakhir, amaun CIP yang belum dibilkan akan menjadi perlu dibayar kepada AFFINBANK seperti yang tertera di dalam penyata yang dikeluarkan oleh AFFINBANK dan akan menjadi mengikat dan muktamad ke atas Ahli Kad dan menjadi perlu dibayar.	20.	Sekiranya Ahli Kad atau pihak Bank membatalkan Kad Kredit AFFINBANK Ahli Kad atau jika Ahli Kad menamatkan pelan CIP sebelum bayaran ansuran yang dijadualkan berakhir, Jumlah CIP yang belum dibilkan akan menjadi perlu dibayar kepada pihak Bank seperti yang tertera di dalam penyata yang dikeluarkan oleh pihak Bank dan akan menjadi mengikat dan muktamad ke atas Ahli Kad dan menjadi perlu dibayar.
23.	23.	Sekiranya Ahli Kad gagal memenuhi mana-mana kewajipannya yang terkandung di sini, terma di dalam Perjanjian Ahli Kad akan digunapakai.	21.	Sekiranya Ahli Kad gagal memenuhi mana-mana kewajipannya yang terkandung di sini, terma di dalam Perjanjian Ahli Kad akan diguna pakai.
24.	24.	Semua transaksi CIP tidak layak untuk mendapat Affin Bonus.	22.	Semua transaksi CIP tidak layak untuk mendapat Mata Ganjaran AFFIN Rewards.
25.	25.	Sekiranya terdapat mana-mana undang-undang dan/atau peraturan dan/atau arahan pihak berkuasa yang berkaitan ke atas pihak Bank mengakibatkan skim CIP tidak dapat diteruskan, pihak Bank berhak untuk menarik balik jumlah penuh atau baki yang harus dibayar di bawah Perjanjian CIP di bawah skim ini dengan memberikan notis bertulis kepada Ahli Kad dua puluh satu (21) hari sebelum ianya berkuatkuasa. Apabila tamat tempoh masa dalam notis di atas, Ahli Kad dengan serta-merta berkewajipan untuk membuat bayaran penuh jumlah wang seperti yang dinyatakan pada notis itu dalam tempoh tarikh akhir yang diberikan.	26.	Ahli Kad telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan pihak Bank berhak untuk meminda, mengubah, menambah dan mengubahsuai Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, melalui laman web pihak Bank atau notis bertulis kepada Ahli Kad. Ahli Kad dinasihatkan untuk merujuk kepada Terma dan Syarat yang dikemas kini di laman web pihak Bank di www.affinbank.com.my dari semasa ke semasa. Terma dan Syarat terkini yang terdapat di laman web pihak Bank hendaklah menggantikan semua Terma dan Syarat terdahulu yang dibuat di antara pihak Bank dan Ahli Kad. Sekiranya terdapat mana-mana undang-undang dan / atau peraturan dan / atau arahan pihak berkuasa yang berkaitan ke atas pihak Bank mengakibatkan pelan CIP tidak dapat diteruskan, pihak Bank berhak untuk menarik balik jumlah penuh atau baki yang harus dibayar di bawah Perjanjian CIP di bawah pelan ini dengan memberikan notis bertulis kepada Ahli Kad dua puluh satu (21) hari sebelum ianya berkuatkuasa. Apabila tamat tempoh masa dalam notis di atas, Ahli

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
				Kad dengan serta-merta berkewajipan untuk membuat bayaran penuh jumlah wang seperti yang dinyatakan pada notis itu dalam tempoh tarikh akhir yang diberikan.
26.	26.	Sekiranya syarat-syarat Perjanjian CIP bercanggah atau tidak boleh diselaraskan dengan Perjanjian Ahli Kad, maka, terma-terma atau terma tersebut yang terkandung di dalam Perjanjian CIP akan diguna pakai.	23.	Sekiranya syarat-syarat Perjanjian CIP bercanggah atau tidak boleh diselaraskan dengan Perjanjian Ahli Kad, maka, terma-terma atau terma tersebut yang terkandung di dalam Perjanjian CIP akan diguna pakai.
27.	27.	Ahli Kad AFFINBANK adalah dianggap akan menanggung cukainya sendiri dalam apa jua bentuk dan di manamana sahaja, yang berbangkit dalam Terma dan Syarat ini. Jika mana-mana perkhidmatan atau cukai nilai tambah adalah terpakai kepada penyediaan perkhidmatan, atau pemberian apa-apa perkhidmatan sokongan yang perlu bagi perkhidmatan yang akan disediakan kepada Pelanggan di bawah skim CIP, maka cukai itu hendaklah ditanggung oleh Ahli Kad.	24.	Ahli Kad adalah dianggap akan menanggung cukainya sendiri dalam apa jua bentuk dan di mana-mana sahaja, yang berbangkit dalam Terma dan Syarat ini. Jika mana-mana perkhidmatan atau cukai nilai tambah adalah terpakai kepada penyediaan perkhidmatan, atau pemberian apa-apa perkhidmatan sokongan yang perlu bagi perkhidmatan yang akan disediakan kepada pelanggan di bawah CIP, maka cukai itu hendaklah ditanggung oleh Ahli Kad.
28.	28.	Perjanjian CIP ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia di mana jumlah CIP yang telah dikreditkan Ahli Kad berjaya ke simpanan atau akaun peribadi.	25.	Semua Terma dan Syarat ini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan mana-mana pertikaian undang-undang hendaklah bermula dan didengarkan di mahkamah di Kuala Lumpur.
29.	29.	<p>Fasal Privasi Kumpulan</p> <p>29.1. Ahli Kad dengan ini mengesahkan bahawa Ahli Kad telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan Bank dan Fasal ini, sebagaimana yang berkaitan dengan pemrosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelakkan keraguan, Ahli Kad bersetuju bahawa Notis Privasi Kumpulan tersebut hendaklah dianggap sebahagian daripada Perjanjian ini.</p> <p>29.2. Ahli Kad mengesahkan dan bersetuju dengan terma-terma Notis Privasi Kumpulan di dalam laman sesawang pihak Bank.</p> <p>29.3. Sekiranya Ahli Kad memberi maklumat peribadi dan/atau maklumat kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan saudara mara atau tanggungan atau maklumat berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin</p>		Fasal ini akan dikeluarkan dari terma dan syarat.

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
		<p>individu dan pemberi sekuriti (bagi syarikat), bagi tujuan pembukaan atau operasi akaun/kemudahan dengan pihak Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan pihak Bank, Ahli Kad:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. mengesahkan bahawa dia telah mendapat persetujuan mereka dan/atau selainya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada pihak Bank bagi tujuan mengikut perjanjian ini; ii. bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; dan iii. bersetuju untuk mengemaskini maklumat kepada pihak Bank secara bertulis sekiranya berlaku apaapa perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut. <p>29.4. Dimana Ahli Kad mengarahkan pihak Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi merentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butiran yang berkaitan dengan transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan kepada mereka yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) dengan pengawal selia luar negara dan pihak berkuasa yang mempunyai kewajipannya yang sah (pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan pihak Bank atau ejenejanya untuk memasuki apa-apa transaksi merentas sempadan bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad dengan ini bersetuju pendedahan yang disebut di atas bagi pihaknya dan lain-lain yang terlibat dalam urus niaga merentas sempadan tersebut.</p> <p>29.5. Selain itu, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) berkaitan dengan Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank dan syarikat-syarikat lain dalam Kumpulan Affin Holdings Berhad, dan peniaga, rakan kongsi strategik, ejen dan penasihat profesional Bank boleh menghubungi Ahli Kad mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang mungkin menarik minat Ahli Kad atau memberi manfaat kepada mereka dari segi</p>		

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
		<p>kewangan. Walau bagaimanapun, Ahli Kad boleh memilih untuk tidak bersetuju daripada pemasaran secara terus dengan menghubungi nombor telefon atau menulis kepada alamat di bawah. Merujuk kepada peniaga-peniaga, rakan kongsi strategik, ejen dan penasihat profesional yang bukan sebahagian daripada Kumpulan Affin Holdings Berhad, pihak Bank tidak akan membuat apaapa usaha pemasaran langsung melainkan kebenaran telah diperolehi daripada Ahli Kad. Pihak Bank boleh berkomunikasi dengan Ahli Kad melalui pelbagai saluran termasuk telefon, komputer atau mel menggunakan maklumat yang Ahli Kad berikan.</p> <p>29.6. Pihak Bank boleh berkomunikasi dengan Ahli Kad melalui pelbagai saluran, termasuk telefon, komputer atau surat menyurat dengan menggunakan maklumat hubungan yang telah Ahli Kad berikan.</p> <p>29.7. Ahli Kad boleh memilih untuk tidak bersetuju dengan memberitahu pihak Bank pada bila-bila masa jika dia tidak mahu menerima komunikasi pemasaran daripada pihak Bank, ahli-ahli lain di dalam Kumpulan Affin Holdings Berhad, dan peniaga, rakan kongsi strategik, ejen dan penasihat profesional dengan menghubungi Pusat Perhubungan kami di nombor 03-8230 2222 atau 03-8230 2323 (bagi Ahli Kad AFFINBANK World Mastercard) atau dengan menulis kepada mana-mana Pengurus Cawangan Perkhidmatan atau Pengurus Perhubungan atau dengan menulis kepada Jabatan Perniagaan Kad:</p> <p>AFFIN BANK BERHAD Jabatan Perniagaan Kad Tingkat 1, Menara Affin No. 80, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur</p> <p>29.8. Ahli Kad dengan ini mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman sesawang Bank yang mengandungi maklumat</p>		

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
		<p>standard mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/perkhidmatan dan/atau produk-produknya, operasi akaun Ahli Kad dan/atau kemudahan dengan Bank, dan/atau kos tambahan kepada Bank.</p> <p>29.9. Pihak Bank boleh menggunakan agensi rujukan kredit untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila ada keperluan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menyemak butiran pada permohonan kredit dan berkaitan kredit atau lain-lain kemudahan; ii. menguruskan kredit dan akaun atau kemudahan berkaitan kredit, termasuk menjalankan ulasan portfolio Ahli Kad; dan/atau; iii. mendapatkan semula hutang. <p>29.10. Ahli Kad akan dihubungkan oleh agensi-agensi rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang mungkin digunakan atau telah digunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Pihak Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Ahli Kad dan bagaimana pengurus beliau menguruskan akaun/ kemudahan dengan agensi-agensi rujukan kredit yang berkaitan.</p> <p>29.11. Ahli Kad tidak boleh menahan pihak Bank untuk bertanggungjawab ke atas mana-mana simpanan kredit yang pihak Bank langgani. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab untuk mengemaskini kepada agensi laporan kredit sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam status kredit mereka seperti yang dinyatakan di dalam laporan kredit. Ahli Kad bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya laporan kredit mereka diterbitkan tanpa sebarang kecuaiian di pihak Bank.</p> <p>29.12. Pihak Bank berhak untuk meminda Fasal ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya dan hendaklah memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad secara bertulis dan meletakkan pindaan tersebut pada laman sesawang Bank dan / atau dengan meletakkan notis di ruang perbankan atau di tempat yang mudah dilihat dalam cawangan-cawangan Bank.</p>		

Ref	Clause	Existing clause	Clause	New / revised clause
30.	30.	Penterjemahan 30.1. Semua perkataan dan frasa yang digunakan di sini dan di dalam Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh 1948 dan 1967 (Disatukan dan Disemak 1989).		Fasal ini akan dikeluarkan dari terma dan syarat.
31.		-	27.	Untuk bantuan, Ahli Kad boleh menghubungi pihak Bank melalui Pusat Perhubungan di 03-8230 2222 atau 03-8230 2323 (untuk kad AFFINBANK World Mastercard) atau e-mel kepada cardservices@affinbank.com.my atau worldcard@affinbank.com.my (untuk kad AFFINBANK World Mastercard).
32.		-	28.	Sila rujuk kepada Notis Privasi Kumpulan yang boleh didapati dengan mengunjungi mana-mana pejabat atau cawangan Kumpulan AFFIN Bank ("ABG") atau di laman web www.affinbank.com.my .
33.		-	29.	Terma dan Syarat dalam Bahasa Inggeris boleh didapati di www.affinbank.com.my .